

Headline	Kawal harga 16 jenis barang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	34	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,730
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,191



Kawal harga 16 jenis barang

■ Skim dijalankan 10 hari sempena Deepavali berkuat kuasa mulai 13 Oktober ini

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Klang

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menyenaraikan 16 jenis barang diletakkan di bawah Skim Kawalan Harga Perayaan (SKHMP) sempena Deepavali berkuat kuasa di seluruh negara mulai 13 Oktober ini.

Skim yang dijalankan selama 10 hari itu memabitkan pelbagai jenis barangan terutama ayam hidup termasuk standard dan super, telur ayam, daging kambing tempatan dan import bertulang.

Ia yang dikuatkuasakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 itu juga merangkumi tomato, cili merah, kelapa biji dan parut, bawang merah dan besar import selain ubi kentang import

serta kacang dal.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, penentuan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit itu dilakukan mengikut kesesuaian bagi memastikan penguatkuasaan kawalan harga lebih berkesan dan berpatutan terutama kepada pengguna.

“Ia antaranya ditentukan menerusi faktor pemantauan harga di semua daerah seluruh negara sejak tahun lalu dan pungutan harga ditetapkan secara mingguan oleh

KPDNKK.

“Selain itu, ia merangkumi pandangan pelbagai agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

“Ia turut memabitkan perbincangan dengan pengeluar, pengimport, pem-

bekal dan pemborong barangan berkenaan,” katanya ditemui pada majlis pengumuman itu di pasar raya besar AEON Big Klang di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Seri Jamil Salleh serta Pengarah Urusan AEON Co Malaysia Berhad, Shinobu Washizawa.

Hamzah berkata, peniaga diwajibkan menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum ditentukan.

“Tindakan tegas dikenakan ke atas individu menjual harga lebih iaitu denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000, jika sabit kesalahan,” katanya.

Beliau meminta pengguna yang mempunyai maklumat atau aduan mengenai kesalahan itu menghubungi *IMalaysia One Call Centre* (IMOCC) di talian 03-8000 8000 atau Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS) di talian bebas tol 1-800-886-800 atau aplikasi telefon pintar Ez ADU serta e-mel ke alamat e-aduan@kpdnkk.gov.my.

FAKTA
Peniaga wajib menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum